

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
JAWAPAN OLEH YB DATUK SERI DR. S. SUBRAMANIAM  
MENTERI KESIHATAN MALAYSIA**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPAD : YB DATUK ROZMAN BIN ISLI [ LABUAN ]**

**TARIKH : 17 MAC 2015**

**NO. SOALAN :**

**YB Datuk Rozman bin Isli [ Labuan ]** minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan adakah Kementerian bersedia untuk menaik-taraf Hospital Labuan menjadi pusat pakar penuh memandangkan Labuan adalah pusat kewangan dan hab minyak dan gas bertaraf antarabangsa selain ianya sebuah pulau berpenduduk lebih kurang 100 ribu orang.

**Tuan Yang Di-Pertua,**

Pada masa ini, Hospital Labuan adalah Hospital Berpakar Minor dan mempunyai 8 perkhidmatan kepakaran iaitu Perubatan Am, Pembedahan Am, Obstetrik dan Ginekologi, Radiologi, Pediatrik, Perubatan Kecemasan, Ortopedik dan Anestesiologi . Bagi pesakit yang melibatkan disiplin subkepakaran Kardiologi, Nefrologi dan Neurologi, pesakit akan dirujuk ke Hospital Queen Elizabeth Kota Kinabalu. Walau bagaimanapun, KKM sedang berusaha untuk menyediakan sekurang-kurangnya sehingga 10 perkhidmatan kepakaran di Hospital Labuan secara berfasa bagi memenuhi keperluan rakyat di Labuan.

Sejak 5 tahun lepas, beberapa projek pembangunan telah disediakan di Hospital Labuan. Antaranya adalah:

- 1) Unit Haemodialisis bernilai RM1.3 juta yang mula beroperasi pada April 2014;
- 2) Bangunan dan Mesin CT Scan bernilai RM3 juta, mula beroperasi pada Jun 2014; dan
- 3) Penggantian *Chiller* dengan kos RM3 juta dan mula beroperasi pada Februari 2015.